



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT BURUH KEBANGSAAN (NLAC) BIL. 1/2024

Menteri Sumber Manusia pada 19 Mac 2024 telah mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) pada tahun ini. Kali terakhir mesyuarat NLAC diadakan ialah pada 15 Julai 2022. NLAC adalah merupakan satu platform 3 pihak (tripartite) iaitu Majikan, Pekerja dan Kerajaan yang membincangkan isu-isu berkaitan dasar, perundangan dan amalan perburuhan di negara ini.

Anggota-anggota mesyuarat yang mewakili majikan diantaranya termasuklah Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF), Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA), dan Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM), wakil pekerja pula termasuklah CEUPACS, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW), dan, wakil pihak Kerajaan pula dianggotai oleh pelbagai agensi berkaitan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kewangan dan KESUMA sendiri.

Mesyuarat semalam telah memutuskan dan mengambil maklum perkara-perkara seperti berikut:-

1. menyokong penubuhan Majlis Penasihat Buruh Negeri Sabah di peringkat negeri;
2. mengambil maklum pelaksanaan Penguatkuasaan Seksyen 60K Akta Kerja 1955 dalam Pengurusan Pekerja Asing mulai 1 Januari 2023;
3. akan membincangkan dengan pihak berkuasa berkaitan mengenai isu penginapan pekerja seperti yang disyaratkan di bawah Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] khususnya berkaitan sektor ladang;
4. isu berkaitan Tuntutan Pengiktirafan (Secret Ballot): Formula Undi Sulit akan dibincang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal yang akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia pada April 2024.

Mesyuarat pada 19 Mac 2024 juga turut melantik Ahli - ahli Majlis NLAC yang baharu berkuat kuasa mulai 1 Mei 2023 hingga 30 April 2025. KESUMA akan memastikan mesyuarat NLAC diadakan mengikut Perlembagaan supaya isu-isu perburuhan negara dapat diselesaikan secara harmoni di antara Majikan, Pekerja dan Kerajaan selaras dengan pendekatan 3K yang diamalkan oleh KESUMA iaitu Kebajikan, Kemahiran dan Keberhasilan.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
20 MAC 2024**